




SEKOLAH KEBANGSAAN (1) GOMBAK
PENEMUAN KETIDAKPATUHAN AKTA & PERATURAN

Bil	Gambar	Lokasi/ Penemuan/ Ulasan	Tahap Kerosakan/ Isu/ Cadangan Penambahbaikan
1		<p>Lokasi : Bilik SSB & DB di SK 2 Gombak</p> <p>Penemuan : SSB sudah uzur.</p> <p>Ulasan : Pemasangan telah melebihi 20 tahun.</p>	<p>Tahap Kerosakan :</p> <p style="text-align: center;">B</p> <p>Cadangan Penambahbaikan: Tukar SSB yang baru.</p> <p>Rujukan :</p> <p>Peraturan-Peraturan Elektrik 1994:</p> <p>Peraturan 110 (1) : Sesuatu pemasangan hendaklah disenggarakan dalam keadaan baik dan berfungsi dan langkah langkah awasan hendaklah dipatuhi pada setiap masa untuk mencegah bahaya.</p> <p>Piawaian JKR bagi Jangka Hayat Aset Infrastruktur dan Aset Kejuruteraan</p> <p>Bil. 10.2 Electrical installation in buildings; Low Voltage 10.2.1 MSB/SSB/DB/Submain/Cabling/Wiring – Jangka Hayat Berguna (JHB) 20 Tahun.</p>


SEKOLAH KEBANGSAAN (1) GOMBAK
PENEMUAN KETIDAKPATUHAN AKTA & PERATURAN

Bil	Gambar	Lokasi/ Penemuan/ Ulasan	Tahap Kerosakan/ Isu/ Cadangan Penambahbaikan
2		<p>Lokasi : Kebanyakan Tempat</p> <p>Penemuan : Pendawaian elektrik dan lampu sudah uzur.</p> <p>Ulasan : Pemasangan telah melebihi 20 tahun.</p>	<p>Tahap Kerosakan :</p> <p style="text-align: center;">B</p> <p>Cadangan Penambahbaikan: Lakukan pendawaian yang baru dan tukar lampu yang baru.</p> <p>Rujukan :</p> <p>Peraturan-Peraturan Elektrik 1994:</p> <p>Peraturan 110 (1) : Sesuatu pemasangan hendaklah disenggarakan dalam keadaan baik dan berfungsi dan langkah langkah awasan hendaklah dipatuhi pada setiap masa untuk mencegah bahaya.</p> <p>Piawaian JKR bagi Jangka Hayat Aset Infrastruktur dan Aset Kejuruteraan</p> <p>Bil. 10.2 Electrical installation in buildings; Low Voltage 10.2.1 MSB/SSB/DB/Submain/Cabling/Wiring – Jangka Hayat Berguna (JHB) 20 Tahun.</p>


SEKOLAH KEBANGSAAN (1) GOMBAK
PENEMUAN KETIDAKPATUHAN AKTA & PERATURAN

Bil	Gambar	Lokasi/ Penemuan/ Ulasan	Tahap Kerosakan/ Isu/ Cadangan Penambahbaikan
3		<p>Lokasi : Kebanyakan Tempat</p> <p>Penemuan : Panambahan soket tidak mengikut spesifikasi JKR dan tanpa mengambil kira jumlah beban sedia ada.</p> <p>Ulasan : Punca-punca kepada berlakunya kekerapan <i>tripping</i>.</p>	<p>Tahap Kerosakan :</p> <p style="text-align: center;">B</p> <p>Cadangan Penambahbaikan: Buat pendawaian soket yang baru mengikut spesifikasi JKR dengan mengambil kira jumlah beban sedia ada.</p> <p>Rujukan : Peraturan-Peraturan Elektrik 1994: Peraturan 110 (1) : Sesuatu pemasangan hendaklah disenggarakan dalam keadaan baik dan berfungsi dan langkah langkah awasan hendaklah dipatuhi pada setiap masa untuk mencegah bahaya. Peraturan 71 (1) Tiada seorang pun boleh melaksanakan atau menjalankan apa-apa penyenggaraan dan pembaikan , baik pulih dan servis penentu ukuran , ujian dan pelakuan mana-mana pemasangan atau kelengkapan dan pengesanan kerosakan kabel melainkan jika dia memegang suatu Perakuan Pendaftaran yang sah sebagai seorang Kontraktor Perkhidmatan Elektrik yang dikeluarkan di bawah Peraturan-peraturan ini. Peraturan 15 (1) Mana-mana radas, konduktor atau aksesori bagi maksud penyambungan kepada sesuatu pemasangan hendaklah dalam saiz, kuasa dan bilangan yang mencukupi bagi menepati maksud yang dicadangkan dan hendaklah dibina , dipasang, disusun, dilindungi , dikerjakan dan disenggarakan sedemikian rupa bagi mencegah bahaya.</p>


SEKOLAH KEBANGSAAN (1) GOMBAK
PENEMUAN KETIDAKPATUHAN AKTA & PERATURAN

Bil	Gambar	Lokasi/ Penemuan/ Ulasan	Tahap Kerosakan/ Isu/ Cadangan Penambahbaikan
4		<p>Lokasi : Kebanyakan Tempat</p> <p>Penemuan : Kesan bumbung bocor dan kayu siling merengkah.</p> <p>Ulasan : Punca berlaku kekerapan tripping dan kerosakan pada sistem pendawaian serta risiko bahaya siling runtuh.</p>	<p>Tahap Kerosakan :</p> <p style="text-align: center;">A</p> <p>Cadangan Penambahbaikan: Kerja-kerja perbaikan siling perlu disegerakan terlebih dahulu sebelum kerja-kerja pendawaian elektrik yang baru dilaksanakan.</p> <p>Rujukan : Uniform Building By laws 1984 (UBBL) 115. Penutup bumbung dan saliran. Semua bumbung bangunan hendaklah dibina supaya boleh disalurkan dengan berkesan kepada saluran, talang, pelongsor atau palung yang sesuai dan mencukupi yang hendaklah disediakan mengikut kehendak-kehendak Undang-Undang Kecil ini bagi menerima dan membawa semua air yang mungkin jatuh di atas dan daripada bumbung itu.</p> <p>Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 Seksyen 17. Kewajipan am majikan orang yang bekerja sendiri kepada orang-orang selain daripada pekerja mereka. (1) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan dan tiap-tiap orang yang bekerja sendiri untuk menjalankan pengusahaannya dengan cara memastikan, setakat yang praktikal, bahawa dia dan orang-orang lain, yang bukan pekerjanya, yang mungkin tersentuh oleh pengusahaan itu tidak terdedah kepada risiko kepada keselamatan atau kesihatan mereka oleh sebab pengusahaan itu. (2) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan dan tiap-tiap orang yang bekerja sendiri, dalam hal keadaan yang ditetapkan dan mengikut cara yang ditetapkan, untuk memberi orang-orang, yang bukan pekerjanya yang mungkin tersentuh dengan cara dia menjalankan pengusahaannya, maklumat yang ditetapkan tentang apa-apa aspek cara dia menjalankan pengusahaannya yang boleh menyentuh keselamatan atau kesihatan mereka</p>


**SEKOLAH KEBANGSAAN (1) GOMBAK
PENEMUAN KETIDAKPATUHAN AKTA & PERATURAN**

Bil	Gambar	Lokasi/ Penemuan/ Ulasan	Tahap Kerosakan/ Cadangan Penambahbaikan
5		<p>Lokasi : Kesemua Alat Pemadam Api Mudah Alih</p> <p>Penemuan : Alat pemadam api mudah alih telah tamat tempoh.</p> <p>Ulasan : Alat Pemadam Api Mudah Alih hendaklah disenggara supaya berfungsi dengan baik agar boleh memadamkan kebakaran awalan dan mencegah kebakaran tersebut dari terus merebak dengan berkesan.</p>	<p>Tahap Kerosakan :</p> <p style="text-align: center;">A</p> <p>Cadangan Penambahbaikan: Lakukan senggaraan/ tukar baru Alat Pemadam Api Mudah Alih</p> <p>Rujukan : Peraturan-Peraturan Elektrik 1994: Peraturan 110 (1) : Sesuatu pemasangan hendaklah disenggarakan dalam keadaan baik dan berfungsi dan langkah langkah awasan hendaklah dipatuhi pada setiap masa untuk mencegah bahaya. Peraturan 40 : Alat pemadam api hendaklah disediakan oleh pemunya, pengurusan , pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan sesuatu pemasangan, selain daripada pemasangan domestik, dan alat pemadam itu hendaklah disimpan di premis itu untuk digunakan pada bila-bila masa. Uniform Building By Laws 1984 : Laws 227 : Pemadam api mudalih hendaklah disediakan mengikut kata-kata amalan relevan dan hendaklah diletakkan di tempat-tempat penting pada jalan keluar supaya boleh dilihat daripada semua arah dan pemadam api yang serupa dalam sesuatu bangunan hendaklah mempunyai cara kendalian yang sama.</p>


SEKOLAH KEBANGSAAN (1) GOMBAK
PENEMUAN KETIDAKPATUHAN AKTA & PERATURAN

Bil	Gambar	Lokasi/ Penemuan/ Ulasan	Tahap Kerosakan/ Isu/ Cadangan Penambahbaikan
6		<p>Lokasi : Kantin</p> <p>Penemuan : Papan agihan uzur.</p> <p>Ulasan : Pemasangan telah melebihi 20 tahun.</p>	<p>Tahap Kerosakan :</p> <p style="text-align: center;">B</p> <p>Cadangan Penambahbaikan: Tukar papan agihan yang baru.</p> <p>Rujukan :</p> <p>Peraturan-Peraturan Elektrik 1994:</p> <p>Peraturan 110 (1) : Sesuatu pemasangan hendaklah disenggarakan dalam keadaan baik dan berfungsi dan langkah langkah awasan hendaklah dipatuhi pada setiap masa untuk mencegah bahaya.</p> <p>Piawaian JKR bagi Jangka Hayat Aset Infrastruktur dan Aset Kejuruteraan</p> <p>Bil. 10.2 Electrical installation in buildings; Low Voltage 10.2.1 MSB/SSB/DB/Submain/Cabling/Wiring – Jangka Hayat Berguna (JHB) 20 Tahun.</p>


SEKOLAH KEBANGSAAN (1) GOMBAK
PENEMUAN KETIDAKPATUHAN AKTA & PERATURAN

Bil	Gambar	Lokasi/ Penemuan/ Ulasan	Tahap Kerosakan/ Isu/ Cadangan Penambahbaikan
7		<p>Lokasi : Aras 1, Bilik Darjah Blok C</p> <p>Penemuan : Penambahan sub-db tidak mengikut spesifikasi JKR dan tanpa mengira jumlah beban sedia ada serta terdedah kepada risiko bahaya renjatan elektrik.</p> <p>Ulasan : Punca kepada <i>tripping</i> dan risiko bahaya renjatan elektrik kepada orang awam.</p>	<p>Tahap Kerosakan :</p> <p style="text-align: center;">A</p> <p>Cadangan Penambahbaikan: Papan agihan ini perlu disenggara dengan apa-apa cara bagi mencegah risiko bahaya renjatan elektrik. Selain itu, Pemasangan papan agihan tersebut perlu mengikut spesifikasi JKR dengan mengambil kira jumlah beban sedia ada.</p> <p>Rujukan : Peraturan-Peraturan Elektrik 1994: Peraturan 110 (1) : Sesuatu pemasangan hendaklah disenggarakan dalam keadaan baik dan berfungsi dan langkah awasan hendaklah dipatuhi pada setiap masa untuk mencegah bahaya. Peraturan 15(1) Mana-mana radas, konduktor atau aksesori bagi maksud penyambungan kepada sesuatu pemasangan hendaklah dalam saiz, kuasa dan bilangan yang mencukupi bagi menepati maksud yang dicadangkan dan hendaklah dibina , dipasang, disusun, dilindungi , dikerjakan dan disenggarakan sedemikian rupa bagi mencegah bahaya.</p>

SEKOLAH KEBANGSAAN (1) GOMBAK
PENEMUAN KETIDAKPATUHAN AKTA & PERATURAN

Bil	Gambar	Lokasi/ Penemuan/ Ulasan	Tahap Kerosakan/ Cadangan Penambahbaikan Isu/
8		<p>Lokasi : Aras 3 Bilik Darjah, Blok C</p> <p>Penemuan : Soket yang tidak digunakan dan uzur.</p> <p>Ulasan : Risiko kepada pengguna jika soket yang tidak digunakan ini mempunyai bekalan elektrik.</p>	<p>Tahap Kerosakan :</p> <p style="text-align: center;">B</p> <p>Cadangan Penambahbaikan: Asingkan atau tanggalkan.</p> <p>Rujukan : Peraturan-Peraturan Elektrik 1994: Peraturan 29 Pemasangan yang tidak digunakan : Apabila terdapat mana-mana bahagian sistem atau sesuatu pemasangan tidak digunakan, bahagian itu hendaklah diasingkan daripada punca elektrik dan tidak boleh dibiarkan bertenaga.</p>

SEKOLAH KEBANGSAAN (1) GOMBAK
PENEMUAN KETIDAKPATUHAN AKTA & PERATURAN

Bil	Gambar	Lokasi/ Penemuan/ Ulasan	Tahap Kerosakan/ Isu/ Cadangan Penambahbaikan
9		<p>Lokasi : Bilik Suis</p> <p>Penemuan : Peranti perlindungan tidak diperiksa, diuji dan ditentu ukur.</p> <p>Ulasan : Peranti perlindungan perlu diperiksa, diuji dan ditentu ukur setiap 2 tahun sekali bagi memastikan tahap kecekapan dan kefungsiian peranti perlindungan ini dalam keadaan baik.</p>	<p>Tahap Kerosakan :</p> <p style="text-align: center;">B</p> <p>Cadangan Penambahbaikan: Lakukan pemeriksaan, pengujian dan penetukuran bagi peranti perlindungan ini setiap 2 tahun sekali.</p> <p>Rujukan : Peraturan-Peraturan Elektrik 1994: Peraturan 110 (4) Mana mana geganti dan peranti pelindung sesuatu pemasangan hendaklah diperiksa, diuji dan ditentu ukur oleh orang kompeten sekurang kurangnya sekali setiap dua tahun, atau pada bila bila masa yang diarahkan oleh Suruhanjaya.</p>

SEKOLAH KEBANGSAAN (1) GOMBAK
PENEMUAN KETIDAKPATUHAN AKTA & PERATURAN

Disediakan oleh:

.....

(Mohammad Faisal bin Ya'cob)
Penolong Jurutera Elektrik,
Unit Perunding Inspektorat Dan Keselamatan Elektrik,
Caw. Kej. Elektrik IP JKR Malaysia.

Disemak oleh:

.....

(Ir. Yusri bin Hassan)
Jurutera Elektrik,
Unit Perunding Inspektorat Dan Keselamatan Elektrik,
Caw. Kej. Elektrik IP JKR Malaysia.

Diakui oleh:

.....

(Ir. Wan Fatimah binti Wan Muhamad)
Jurutera Elektrik Kanan,
Unit Perunding Inspektorat Dan Keselamatan Elektrik,
Caw. Kej. Elektrik IP JKR Malaysia.

Disahkan oleh:

.....

(Ir. Hj. Mohd Afandi bin Maamon)
Jurutera Elektrik Penguasa Kanan,
Unit Perunding Inspektorat Dan Keselamatan Elektrik,
Caw. Kej. Elektrik IP JKR Malaysia.
Tarikh :